

25 MAY 2003

Khalil-Pendidikan

UMNO JANGKA PEMBANGKANG GUNA ISU PENDIDIKAN DALAM PILIHAN RAYA

BANGI, 25 Mei (Bernama) -- Pembangkang akan menggunakan isu pendidikan dengan meluas bagi meraih undi dalam kempen pilihan raya akan datang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

"Pendidikan meliputi satu bidang yang luas seperti pendidikan di sekolah, menengah, agama. Kerana pendidikan ini begitu luas sekali, sudah tentu dia (pembangkang) memainkan peranan untuk mendapatkan sokongan pengundi," katanya.

Ketika berucap menutup Konvensyen Pendidikan Umno Malaysia 2003 di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini, Khalil berkata anggota-anggota Umno perlu mempersiapkan diri untuk menjelaskan mengenai isu-isu berkenaan.

Selain pendidikan, Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, beliau yakin PAS akan menggunakan isu lesen mesin jackpot yang diberi kepada pemaju kawasan peranginan Bukit Tinggi di Pahang walaupun kerajaan telah menyangkal dakwaan parti itu kononnya lesen itu adalah untuk kasino.

"Isu pendidikan sekarang ini telah jadi isu nombor dua oleh pembangkang dalam kempen pilihan raya mereka nanti selepas isu kasino. Saya ada baca dalam akhbar Harakah, dua pertiga dari isi kandungannya adalah berkaitan isu kasino," katanya.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan Pas kononnya kerajaan meluluskan lesen kasino kepada pemaju kawasan peranginan Bukit Tinggi, sebaliknya lesen yang diberikan itu adalah bagi mesin jackpot yang terhad untuk digunakan oleh ahli-ahli kelab di situ.

Menjawab soalan pemberita mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa wakil-wakil rakyat yang tidak menjalankan tugas tidak akan dicalonkan semula, Khalil berkata setiap wakil rakyat Umno akan menghantar laporan mengenai kegiatan di kawasan mereka kepada Majlis Tertinggi Umno.

"Dari segi UMNO memang ada laporan diminta supaya tiap-tiap wakil parlimen dan Dewan Undangan Negeri menghantar laporan mereka ke ibu pejabat dan kita semak balik laporan mereka dengan keadaan sebenar di kawasan masing-masing," katanya.

Konvensyen yang julung kali diadakan itu telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad yang juga Pengerusi Biro Pendidikan Umno. Ia bertujuan menerangkan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa dalam bidang pendidikan.

-- BERNAMA

SSA AZZ MAI